

Menilai Pihak Penilai: Akauntabiliti dan Ketelusan Piawaian

Transparency International Malaysia

E-mel: ti-malaysia@transparency.org.my
Laman Web: www.transparency.org.my



Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai sebahagian daripada gabungan global menentang rasuah. TI-Malaysia didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia sebagai Persatuan Ketelusan Integriti Malaysia. Prinsip asas TI-Malaysia dalam memerangi rasuah adalah memberikan kerjasama strategik dengan kerajaan, sektor perniagaan, dan masyarakat sivil; bersifat bebas dan bukan kerajaan, serta tidak berpihak kepada mana-mana parti politik; serta mengekalkan pendekatan yang tidak bersifat konfrontasional. TI-Malaysia menggunakan kempen advokasi untuk melobi kerajaan dan sektor swasta bagi melaksanakan pembaharuan anti-rasuah di Malaysia. Misi organisasi kami adalah untuk membasmi rasuah serta mempromosikan Ketelusan, Integriti, dan Akauntabiliti dalam masyarakat.

[Transparency.org.my](https://transparency.org.my)



WAVERLEYST FOUNDATION

Penerbitan ini dihasilkan dengan sokongan kewangan daripada Waverley Street Foundation di bawah Program Integriti Tadbir Urus Iklim Transparency International. Kandungannya adalah tanggungjawab sepenuhnya Transparency International Malaysia dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Waverley Street Foundation.

Menilai Pihak Penilai: Akauntabiliti dan Ketelusan Piawaian

Hasil penyelidikan daripada Projek “Menilai Pihak Penilai: Akauntabiliti dan Ketelusan Piawaian (2025) oleh Transparency International Malaysia (TI-M) dan Prof Dato’ Rajah Rasiah, Profesor Ekonomi dan Pengarah Eksekutif, Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya dan Dr. Puvanesvaran Sanjivee, Ahli Ekonomi, Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya.

Penulis: Prof Dato’ Rajah Rasiah, Dr. Puvanesvaran Sanjivee,

Disemak oleh: Dr Geetha Rubasundram, Justin Bryann Jarret,

Kulit Muka Buku: Direka oleh Karthik Kili Anandaraj

Penterjemah: Liyana Syazwani Hakim

Setiap usaha telah dilakukan untuk mengesahkan ketepatan maklumat yang terkandung dalam laporan ini. Semua maklumat telah dikemaskini setakat Disember 2025. Walau bagaimanapun, Transparency International Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat penggunaannya untuk tujuan lain atau dalam konteks lain.

ISBN:

© 2025 Transparency International Malaysia. Kecuali dinyatakan sebaliknya, karya ini dilesenkan di bawah CC BY-ND 4.0 DE. Petikan dibenarkan. Sila hubungi Transparency International Malaysia – ti-malaysia@transparency.org.my – untuk permohonan derivatif.



ISI KANDUNGAN

1.0	Menilai Pihak Penilai: Akauntabiliti dan Ketelusan Piawaian – Pengenalan	01		
2.0	Isu-Isu Kritikal dalam Tadbir Urus Karbon	02	2.3.1	Perniagaan Pengimbangan Karbon di Malaysia: Pertumbuhan, Pencucian Hijau (Greenwashing), dan Tadbir Urus 05
2.1	Pelepasan Karbon	02		
2.2	Mengintegrasikan Komuniti Orang Asli/Asal ke dalam Tadbir Urus Karbon	03	2.4	Pasaran Kenderaan Elektrik Malaysia: Pertumbuhan, Insentif, dan Peluang 07
2.3	Penentuan Harga Karbon	03	2.5	Cabaran terhadap Pengagihan Saksama Pelepasan Karbon di Seluruh Rantaian Bekalan 09

3.0 Isu-Isu Kritikal untuk Ditangani ke arah Membangunkan Kerangka Analisis

11

3.1 Konflik Kepentingan 14

3.2 Cabaran Metodologi “Kotak Hitam” 14

3.3 Persamaan dengan Penarafan Kredit Karbon 16

3.4 Perbandingan antara Krisis Gadai Janji Subprima dan Pasaran Kredit Karbon 16

3.5 Kerangka Pengujian, Pemeriksaan, dan Pensijilan (TIC) 17

3.6 Bagaimana syarikat TIC boleh digunakan untuk meningkatkan ketelusan dan kepercayaan dalam VCM 18

4.0 Kerangka Pasaran Karbon Malaysia

19

4.1 Sasaran Karbon Sifar Bersih dan Garis Masa Penggantian 21

4.2 Temu bual/Pemerhati 22

4.3 Kekangan Politik dan Tadbir Urus terhadap Integriti 22

4.4 Reka Bentuk Dasar, Keberkesanan, dan Mitigasi Kebocoran 23

4.5 Realiti Pasaran dan Peranan Penarafan 24

4.6 Impak terhadap Daya Saing dan Tenaga Kerja 24

5.0 Cadangan

25

5.1 Memperkukuh Tadbir Urus dan Kerangka Undang-Undang 25

5.2 Melaksanakan Jaminan Pihak Ketiga 26

5.3 Menangani Reka Bentuk Dasar dan Kebocoran Sistemik 26

5.4 Mempercepatkan Penggantian Sumber Bahan Api Fosil dengan Tenaga Boleh Diperbaharui 27

BAHAGIAN 1

Pengenalan

Perubahan iklim dan pemanasan global telah menjadi kebimbangan global yang semakin meningkat dengan kesan serius terhadap suhu persekitaran, paras laut, ekonomi, dan komuniti. Sebagai tindak balas, negara-negara telah bersatu melalui sidang kemuncak Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perubahan Iklim yang dikenali sebagai Persidangan Pihak-Pihak (Conference of the Parties - COP) untuk menetapkan matlamat bersama bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Usaha-usaha ini dipandu oleh Perjanjian Paris 2015, yang bertujuan mengehadkan pemanasan global kepada 1.5°C. Menjelang tahun 2040, terdapat desakan yang semakin meningkat untuk memacu tindakan iklim dengan beralih kepada tenaga boleh diperbaharui, melindungi hutan, dan mengurangkan pelepasan karbon. Bahagian utama dalam usaha ini ialah tadbir urus karbon, yang merujuk kepada sistem dan peraturan yang menguruskan bagaimana karbon diukur, dikurangkan, dan didagangkan. Sepertimana negara-negara lain yang kaya dengan sumber asli, perkara ini amat penting bagi Malaysia yang sekian lama bergantung kepada eksport minyak dan gas. Hutan hujan tropika negara — antara yang tertua dan paling kaya dengan biodiversiti di dunia, memainkan peranan penting dalam mengimbangi iklim, menyokong ekosistem unik, serta mengekalkan sistem tadahan air yang menjadi nadi kehidupan jutaan penduduk. Melindungi sumber asli ini bukan sahaja penting bagi mencapai matlamat iklim, malah merupakan tanggungjawab terhadap generasi akan datang. Selain itu, memandangkan terdapat kesan eksternaliti negatif yang dikaitkan dengan pelepasan karbon, ia juga merupakan tanggungjawab Malaysia terhadap masyarakat dunia.

Perkembangan sejak tahun 2020 telah menekankan keperluan untuk penilaian yang lebih teguh. Skandal Verra mendedahkan bahawa lebih 90 peratus daripada imbalan karbon (carbon offsets) hutan hujan oleh badan pensijilan terbesar adalah sia-sia, memandangkan kebanyakan kredit karbon tersebut tidak mencerminkan pengurangan pelepasan yang sebenar (Greenfield, 2023). Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan serius tentang kredibiliti pasaran karbon. Tanpa penambahbaikan dalam ketelusan dan akauntabiliti, kepercayaan terhadap sistem ini boleh luntur, sekali gus menyukarkan usaha menarik pelaburan dan mencapai sasaran iklim global. Bagi Malaysia, isu ini amat penting. Dasar iklim mestilah dirangka dengan cara yang menyokong, bukannya menjejaskan — pertumbuhan ekonomi, pekerjaan, dan projek pembangunan yang sedang berjalan. Beberapa penerbitan susulan telah dikeluarkan bagi menggesa pelaksanaan metodologi yang lebih ketat (contohnya, West et al, 2023; Sasaki, 2025; Fu et al, 2025). Pendekatan mampan terhadap tadbir urus karbon sepatutnya membantu

Malaysia beralih ke arah masa depan rendah karbon, sambil melindungi pekerjaan, menyokong komuniti setempat, serta memenuhi matlamat pembangunan negara; matlamat-matlamat ini tidak semestinya saling bercanggah.

BAHAGIAN 2

ISU-ISU KRITIKAL DALAM TADBIR URUS KARBON

Pertimbangan penting yang perlu ditangani dalam tadbir urus karbon merangkumi pelepasan karbon, inklusiviti masyarakat peribumi, penentuan harga karbon, pengimbangan karbon, teras dasar kenderaan elektrik (EV), serta cabaran dalam inisiatif pengagihan yang saksama. Isu-isu ini akan dikupas dalam bahagian ini.

2.1 Pelepasan karbon

Pelepasan karbon merujuk kepada pembebasan gas rumah hijau (GHG), terutamanya karbon dioksida (CO₂), ke atmosfera hasil daripada aktiviti manusia. Pelepasan ini menyumbang kepada pemanasan global dan perubahan iklim menerusi peningkatan kesan rumah hijau. Jejak karbon pula merupakan jumlah keseluruhan GHG yang dilepaskan secara langsung mahupun tidak langsung oleh individu, organisasi, produk, atau aktiviti, yang lazimnya dinyatakan dalam unit tan setara CO₂ (tCO₂) (UNFCCC, 2018; CCS-UMICH, 2025).

Protokol GHG ialah instrumen perakaunan antarabangsa yang paling meluas digunakan oleh pemimpin kerajaan dan perniagaan untuk memahami, mengukur dan menilai pelepasan gas rumah hijau (GHG) (Ecochain, 2025; World Business Council for Sustainable Development & World Resources Institute, 2004). Di bawah Protokol GHG, pelepasan dalam Protokol GHG dikategorikan kepada tiga skop berikut:

Skop 1 (pelepasan langsung) berpunca daripada sumber yang dimiliki atau dikawal oleh sesebuah entiti, seperti pembakaran bahan api dan proses industri. Skop 2 (pelepasan tidak langsung) terhasil daripada penggunaan tenaga yang dibeli seperti elektrik dan pemanasan, yang dikaitkan dengan pengguna akhir walaupun pelepasan berlaku di luar lokasi. Skop 3 (pelepasan tidak langsung lain) merangkumi pelepasan di sepanjang rantai nilai, seperti daripada pengeluaran barangan, pengangkutan, dan perjalanan perniagaan. Skop terakhir ini sering kali mewakili bahagian terbesar dalam jejak karbon sesebuah syarikat, walaupun ia paling sukar untuk diukur. Usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon merentasi kesemua skop ini adalah kritikal bagi mencapai matlamat iklim. Walaupun pelepasan Skop 1 dan 2 semakin didokumentasikan dan dikawal selia dengan baik, pelepasan Skop 3 menuntut ketelusan dan kerjasama yang lebih luas antara organisasi di seluruh rantai bekalan (Ecochain, 2025).

2.2 Mengintegrasikan Masyarakat Peribumi ke dalam Tadbir Urus Karbon

Tadbir urus karbon yang berkesan memerlukan kerangka kerja inklusif yang mengiktiraf serta memperkasakan semua pihak berkepentingan, terutamanya mereka yang paling terkesan oleh perubahan iklim. Di Malaysia, komuniti Orang Asli (Semenanjung Malaysia) serta Orang Asal (Sabah dan Sarawak) merupakan antara populasi yang paling terdedah kepada risiko iklim disebabkan kebergantungan mereka kepada ekosistem hutan bagi sumber makanan, perubatan, dan amalan budaya (Baharudin et al, 2023). Gangguan akibat iklim, seperti perubahan corak taburan hujan, kehilangan biodiversiti, dan kekerapan kejadian banjir telah menjejaskan mata pencarian dan kesejahteraan mereka secara signifikan.

Eko-pelancongan kini semakin berkembang di Malaysia, dengan contoh Batu Puteh di Sabah yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations World Tourism Organization - UNWTO) sebagai salah satu kampung pelancongan terbaik di dunia. Walaupun sector pelancongan berpotensi menjana pendapatan kepada komuniti ini, adalah penting untuk memastikan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan risiko minimum terhadap ekosistem tempatan, di samping memartabatkan budaya tempatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk (Mason et. al, 2025).

Walaupun sumbangan mereka terhadap pelepasan global adalah minimum, PBB mengiktiraf bahawa masyarakat Peribumi menawarkan penyelesaian iklim yang penting melalui amalan organik menggunakan sumber pengetahuan tradisional seperti pertanian mampan dan pengurusan air, di samping memelihara ekosistem yang berfungsi sebagai sinki karbon dan simpanan biodiversiti (UNDP, 2024; Rasiah, Anter & Annizah, 2025). Untuk mencapai matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG) PBB dan Perjanjian Paris, kerajaan perlu memastikan penyertaan penuh mereka, mengiktiraf hak-hak mereka, serta mengintegrasikan pengetahuan masyarakat peribumi ke dalam dasar iklim dan kerangka kerja kewangan.

2.3 Penentuan Harga Karbon

Pengimbangan karbon merupakan strategi mitigasi iklim yang membolehkan individu, korporat, dan kerajaan membayar pampasan bagi pelepasan gas rumah hijau mereka dengan melabur dalam projek yang mengurangkan atau menyingkirkan pelepasan di tempat lain. Strategi ini muncul susulan cadangan Stern (2007) dan Nordhaus (2008) yang telah diterima pakai oleh Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim selepas Perjanjian Paris 2015 (UNFCCC, 2018). Projek-projek ini merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk penghutanan semula (reforestation), penghutanan baharu (afforestation), penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pemerangkapan metana, dan penambahbaikan kecekapan tenaga. Prinsip asasnya adalah pelepasan yang dihasilkan di satu lokasi boleh diimbangi dengan pengurangan yang dilakukan

di lokasi lain, sekali gus menyumbang kepada matlamat iklim global. Bagi memudahkan urusan ini, kredit karbon diterbitkan dengan setiap kredit mewakili satu tan metrik karbon dioksida (atau setaranya) yang telah dikurangkan atau disingkirkan daripada atmosfera. Kredit ini didagangkan dalam dua pasaran utama: pasaran pematuhan; yang dikawal selia oleh undang-undang nasional atau antarabangsa (seperti Sistem Perdagangan Pelepasan EU), dan pasaran sukarela; dimana entiti membeli kredit untuk memenuhi sasaran kelestarian dalaman atau menzahirkan tanggungjawab alam sekitar. Keberkesanan pengimbangan karbon amat bergantung kepada integriti kredit ini, yang mesti disahkan untuk memastikan ia mewakili pengurangan pelepasan yang nyata, tambahan, dan kekal. Metodologi yang teguh, audit pihak ketiga, dan pelaporan yang telus adalah penting bagi mengekalkan kepercayaan terhadap sistem ini.

Pada tahun 2023, kredibiliti pasaran karbon sukarela telah terjejas secara signifikan susulan siasatan besar-besaran terhadap Verra, badan pensijilan utama kredit karbon (Greenfield, 2023; Sasaki, 2025). Siasatan tersebut mendedahkan bahawa lebih 90% daripada kredit “pengelakan penebangan hutan” Verra adalah berasaskan tuntutan yang melambung atau tidak dapat disahkan, sekali gus menimbulkan keraguan serius terhadap impak alam sekitar yang sebenar. Kontroversi ini mendedahkan isu sistemik dalam proses pensijilan, termasuk penggunaan garis dasar (baselines) yang bersifat spekulatif serta kekurangan ketelusan, yang membawa kepada kritikan meluas terhadap syarikat-syarikat yang bergantung kepada kredit tersebut bagi menyokong komitmen iklim mereka. Malah, pendedahan ini mempersoalkan semula masalah lazim yang dikaitkan dengan pakatan sulit penaung-pelanggan (patron-client collusion). Walaupun kebanyakan kajian menunjukkan ketiadaan pengurangan penebangan hutan yang ketara, sesetengah pihak menekankan kepincangan dalam pengukuran yang perlu diperbetulkan bagi memperkukuh keteguhan penemuan tersebut. Sebagai contoh, West et al. (2023) berhujah bahawa metodologi yang digunakan untuk membina garis dasar penebangan hutan bagi intervensi pengimbangan karbon memerlukan semakan segera. Mereka menyatakan keperluan terhadap ketegasan metodologi untuk mengaitkan pengurangan penebangan hutan dengan projek-projek tersebut secara langsung, bagi menjamin agar insentif pemuliharaan hutan serta integriti perakaunan karbon global dapat dipelihara.

Insiden tersebut mencetuskan gelombang skeptisisme dan tuduhan pencucian hijau (greenwashing), yang membawa kepada tuntutan reformasi di seluruh industri pengimbangan karbon. Verra bertindak balas dengan berikrar untuk menambah baik metodologinya serta meningkatkan ketelusan, namun kepercayaan awam dan kewibawaan sistem pengesahan sedemikian telah pun terjejas. Kes ini menekankan keperluan mendesak bagi piawaian integriti yang lebih tinggi dan pengawasan yang lebih ketat bagi memastikan pasaran karbon dapat memainkan peranan yang bermakna dalam usaha mitigasi iklim global.

Di Malaysia, penentuan harga karbon muncul sebagai instrumen berasaskan pasaran yang direka untuk mempengaruhi tingkah laku korporat dengan mengenakan kos kewangan

terhadap pelepasan gas rumah hijau. Berdasarkan prinsip ‘pencemar membayar’, pendekatan ini memberi insentif kepada perniagaan untuk mengurangkan jejak karbon mereka dengan mengambil kira kos alam sekitar daripada pelepasan tersebut. Dengan menetapkan tanggungjawab kewangan terhadap pelepasan karbon, penentuan harga karbon menggalakkan syarikat untuk menggunakan teknologi yang lebih bersih dan amalan yang lebih mampan. Komitmen Malaysia untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050 dan mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030 telah melonjakkan minat terhadap mekanisme sedemikian (lihat juga Rasiah dan Gopi Krishnan, 2025). Pelancaran Bursa Carbon Exchange (BCX) pada tahun 2022 menandakan langkah signifikan yang membolehkan perdagangan kredit karbon dan Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewal Energy Certificate – REC) bagi menggalakkan penyertaan industri dalam pasaran karbon (Rasiah, Gopi Krishnan & Azleen, 2022; Allen & Gledhill, 2024). Walaupun Malaysia masih belum melaksanakan cukai karbon rasmi atau sistem had-dan-dagangan (cap-and-trade), perbincangan dasar dan program perintis sedang dijalankan untuk meneroka pilihan-pilihan ini sebagai sebahagian daripada Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap – NETR).

Penentuan harga karbon di Malaysia bukan sekadar alat iklim; ia juga merupakan pemacu ekonomi yang strategik (Findley et al., 2024). Dengan memperbetulkan kegagalan pasaran yang dikaitkan dengan pelepasan tanpa kawalan dan kurangnya pelaburan dalam modal semula jadi (natural capital), ia memperkukuh hujah perniagaan (business case) bagi pelaburan rendah karbon dan pemuliharaan alam semula jadi. Memandangkan negara menuju ke arah tadbir urus iklim yang lebih teguh, penentuan harga karbon dijangka memainkan peranan utama dalam menyelaraskan pertumbuhan ekonomi dengan kelestarian alam sekitar.

2.3.1 Perniagaan Pengimbangan Karbon di Malaysia: Pertumbuhan, Pencucian Hijau (*Greenwashing*), dan Tadbir Urus

Industri pengimbangan karbon Malaysia telah berkembang dalam beberapa tahun kebelakangan ini, didorong oleh inisiatif dasar domestik dan desakan antarabangsa terhadap pematuhan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (Environmental, Social, and Governance – ESG). BCX telah ditetapkan sebagai langkah penting ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi pasaran karbon sukarela. Bursa ini memudahkan cara perdagangan kredit karbon, terutamanya daripada penyelesaian berasaskan alam semula jadi seperti pemuliharaan hutan. Projek-projek terkemuka termasuk inisiatif Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut di Sabah, Central Forest Spine (CFS) yang bertujuan menghubungkan semula habitat hutan yang terpisah-pisah (fragmented) di seluruh Semenanjung Malaysia, serta penyertaan aktif dalam program REDD+ (Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation) bagi mitigasi perubahan iklim melalui pemuliharaan hutan dan pengurusan mampan (ADB, 2024; Fairatmos, 2024). Syarikat-syarikat

seperti Petronas, Shell, Grab, Malaysia Airlines, dan AirAsia kesemuanya telah mengemukakan tuntutan neutral karbon berasaskan pembelian pengimbangan, menggunakan inisiatif ini untuk memperkukuh penjenamaan kelestarian mereka, sambil mengekalkan operasi teras perniagaan. Walau bagaimanapun, semasa minggu dagangan 30 Jun hingga 4 Julai 2025, tiada transaksi dicatatkan pada Platform Dagangan Berterusan BCX. Antara factor yang mungkin meyumbang kepada perkara ini adalah jumlah kredit karbon yang tersedia untuk didagangkan adalah terhad.

Pengimbangan karbon menawarkan kaedah yang kos efektif kepada firma-firma di Malaysia untuk memenuhi jangkaan alam sekitar tanpa melakukan perubahan operasi yang besar. Ia membolehkan syarikat mengekalkan keuntungan, mengakses pasaran global, serta menarik minat pihak berkepentingan yang mengutamakan kelestarian alam sekitar. Namun, pengkomoditian tanggungjawab iklim ini telah membawa kepada kebimbangan yang semakin meningkat tentang pencucian hijau, dimana firma lebih-nyatakan atau membuat salah nyata impak alam sekitar mereka. Sebuah badan pemerhati bebas yang menjalankan penyelidikan dan analisis isu berkaitan iklim, RimbaWatch, telah menyenaraikan banyak syarikat di Malaysia, Singapura, dan Brunei, -- termasuk Chevron, Grab, Majlis Bandaraya Shah Alam, Shell, Maybank, Mercedes Benz, Petronas, dan Singapore Airlines, sebagai entity yang terlibat dalam pencucian hijau (RimbaWatch, 2025). RimbaWatch turut mempersoalkan lelongan sijil tenaga boleh diperbaharui (REC) BCX 2024 yang diterbitkan oleh Empangan Murum seluas 275,000 hektar, atas dakwaan lebih-nyatakan pengurangan pelepasan.

Kebanyakan syarikat yang disenaraikan adalah daripada sektor automotif serta minyak dan gas, dimana syarikat-syarikat ini dituduh membuat tuntutan kelestarian yang mengelirukan, termasuk penggunaan pengimbangan karbon untuk menyatakan neutraliti karbon tanpa bukti yang mencukupi. Grab secara khusus disebut kerana mempromosikan perkhidmatannya sebagai neutral karbon melalui pengimbangan, satu amalan yang dilarang di bawah piawaian pengiklanan di beberapa bidang kuasa. Sebagai maklum balas, Grab memetik kekurangan piawaian yang selaras secara global dalam pasaran karbon dan mempertahankan kesahihan kredit karbon tersebut, sambil menekankan usaha ketekunan wajar (due diligence) mereka serta pergantungan kepada agensi penarafan karbon terkemuka dan bursa serantau. Petronas juga diketengahkan atas tuntutan berasaskan pengimbangan yang serupa serta kegagalan memasukkan maklumat penting dalam pendedahan sifar bersihnya. Syarikat tersebut mengulangi komitmennya untuk menyokong masa hadapan rendah karbon sebagai maklum balas terhadap dakwaan tersebut (TheEdge, 2025). Walau bagaimanapun, pendedahan ini membuktikan keperluan mendesak untuk memperketat peraturan mengenai pelaporan kredit karbon.

Kredibiliti projek pengimbangan Malaysia juga telah diteliti berikutan perkaitan BCX dengan

Piawaian Karbon Terverifikasi (Verified Carbon Standard - VCS) daripada Verra. Penelitian awam meningkat susulan insiden letupan paip gas di Putra Heights pada April 2025 yang menyebabkan RimbaWatch menuntut siasatan bebas terhadap Petronas Gas Berhad. Badan pemerhati itu memetik kecuaihan alam sekitar dan pengawasan yang tidak mencukupi, sekali gus menimbulkan kebimbangan yang lebih luas tentang integriti Penilaian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment – EIA) serta perancangan penggunaan tanah (NADMA – Agensi Pengurusan Bencana Negara, 2025). Perkembangan ini menekankan ketegangan antara pertumbuhan kapitalis dan akauntabiliti alam sekitar dalam sektor pengimbangan karbon di Malaysia. Tanpa kawal selia dan ketelusan yang teguh, pengimbangan karbon berisiko menjadi instrumen pencucian hijau korporat dan bukannya penyelesaian iklim yang tulen.

Di sebalik kontroversi ini, Malaysia pada masa ini masih kekurangan perundangan khusus yang menyasarkan pencucian hijau. Apa yang juga penting adalah keperluan untuk mengenakan penguatkuasaan yang ketat supaya pihak penguatkuasa juga dipertanggungjawabkan secara saksama dalam memastikan pematuhan piawaian iklim, meskipun momentum kawal selia semakin meningkat kebelakangan ini. Rang Undang-Undang Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (Carbon Capture, Utilisation and Storage – CCUS) 2025 serta Ordinan Alam Sekitar (Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau) Sarawak 2023 telah berjaya diluluskan. Tambahan pula, Kerangka Pelaporan Kelestarian Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework - NSRF) telah dilancarkan pada 2024 untuk mewajibkan syarikat besar yang tidak disenaraikan dengan hasil melebihi RM2 bilion, mendedahkan maklumat kelestarian selaras dengan piawaian IFRS S1 dan S2, termasuk pelepasan Skop 3 (Suruhanjaya Sekuriti, 2024).

2.4 Pasaran Kenderaan Elektrik Malaysia: Pertumbuhan, Insentif, dan Peluang

Industri automotif Malaysia merupakan yang ketiga terbesar di Asia Tenggara, dengan hampir 30 pengeluar serta lebih daripada 600 pengilang bahagian dan komponen (MIDA – Malaysian Investment Development Authority, 2024). Sektor ini menyumbang kira-kira RM40 bilion kepada ekonomi negara, disamping menyokong lebih 700,000 pekerjaan merentasi sektor pembuatan, pengedaran, dan perkhidmatan selepas jualan (MIDA, 2023; MIDA, 2024b). Walaupun segmen EV masih kecil secara relatif, ia sedang berkembang pesat. Jualan EV mencatatkan pertumbuhan sebanyak 65% antara 2020 dan 2021, dan trend peningkatan ini dijangka berterusan memandangkan Malaysia sedang memacu Pelan NETR. Persatuan Automotif Malaysia (Malaysia Automotive Association – MAA) menjangkakan permintaan terhadap kenderaan elektrik hibrid dan bateri (xEV) akan terus meningkat, dengan ramalan jualan 7,400 unit xEV bagi tahun 2024. Jumlah ini mewakili 10 peratus daripada jumlah keseluruhan industri (Total Industry Volume – TIV), hasil daripada sokongan kerajaan dalam mempromosikan penggunaan kenderaan yang

‘lebih hijau’, serta pengenalan lebih banyak model xEV baharu (paultan.org, 2024a).

NETR menggariskan matlamat Malaysia agar EV menyumbang 15 peratus daripada keseluruhan jualan kenderaan menjelang tahun 2030, dan meningkat kepada 80 peratus menjelang 2050 (MIDA, 2024c). Bagi menyokong peralihan ini, kerajaan telah memperkenalkan set insentif yang komprehensif untuk pengguna dan pihak berkepentingan industri. Bagi pengguna, unit EV yang diimport sepenuhnya (Completely Built-Up - CBU) dikecualikan daripada duti import dan eksais bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2025. Manakala EV yang dipasang secara tempatan (Completely Knocked-Down – CKD) menikmati pengecualian penuh duti import, duti eksais, dan cukai jualan sehingga 31 Disember 2027. Pemilik EV juga menikmati pengecualian cukai jalan sehingga akhir tahun 2025; selepas tempoh tersebut, kadar cukai jalan tahunan yang lebih rendah akan dikenakan bagi EV berbanding kenderaan enjin pembakaran dalaman (Internal Combustion Engine - ICE). Selain itu, individu boleh menuntut pelepasan cukai pendapatan sehingga RM2,500 setahun untuk pemasangan, sewaan, atau pembelian peralatan pengecasan EV sehingga tahun 2027. Bagi motosikal elektrik, rebat cukai sehingga RM2,400 tersedia sehingga tahun 2024 untuk individu yang berpendapatan kurang daripada RM120,000 setahun (MIDA, 2024c).

Dari sudut infrastruktur dan industri, Malaysia menyasarkan pemasangan 10,000 stesen pengecasan EV di seluruh negara menjelang 2025. Pengendali Titik Pengecasan (Charging Point Operators – CPO) layak mendapat elaun cukai pelaburan 100 peratus selama lima tahun, manakala pengilang EV dan komponen berkaitan boleh mendapat manfaat daripada Taraf Perintis (Pioneer Status), yang menawarkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 hingga 100 peratus sehingga 10 tahun. Syarikat-syarikat ini juga mungkin layak mendapat elaun cukai pelaburan sehingga 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak (MGTC - Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation, 2024).

Dorongan mobiliti hijau oleh kerajaan memerlukan pelaburan infrastruktur yang besar merentasi tempoh dua setengah dekad. Tunjang utama kepada peralihan tenaga Malaysia ialah Strategi Pelaburan Hijau (Green Investment Strategy - GIS) 2024 dan Pelan NETR 2023. GIS mensasarkan tujuh bidang utama pelaburan berpotensi, termasuk tenaga boleh diperbaharui, hidrogen hijau, bio-tenaga, mobiliti hijau, serta penangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (CCUS), manakala NETR merupakan pelan strategik negara untuk memudahkan cara peralihan ke arah ekonomi rendah karbon bagi mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang 2050. Di bawah GIS, usaha bersasar dalam mobiliti hijau, tenaga boleh diperbaharui, serta hidrogen menyasarkan pelaburan sebanyak RM300 bilion menjelang 2030, dengan panel PV dan EV menjadi pemacu utama (MIDA, 2025). NETR pula menganggarkan keperluan pelaburan terkumpul sebanyak RM1.2 hingga RM1.3 trilion menjelang 2050 bagi menyokong pengembangan tenaga boleh diperbaharui - terutamanya solar PV, kuasa hidro, dan naik taraf grid, serta memajukan mobiliti hijau melalui penambahbaikan pengangkutan awam, pengeluaran EV domestik, dan pembangunan infrastruktur pengecasan EV (NETR, 2023).

2.5 Cabaran dalam Pengagihan Saksama Pelepasan Karbon di Seluruh Rantaian Bekalan

Rantaian bekalan EV merangkumi mineral mentah, mineral yang diproses, bahan bateri, pek bateri, dan kenderaan elektrik (Rasiah, 2024; Tham, 2025). Selain EV, litium, kobalt, grafit, mangan, dan lain-lain adalah penting untuk penghasilan teknologi tenaga bersih, termasuk panel solar, turbin angin, dan system penyimpanan bateri grid (UNCTAD - United Nations Conference on Trade and Development, 2023). Memandangkan rantaian bekalan ini bersifat global, agensi antarabangsa perlu menangani kaedah pengagihan pelepasan merentasi sempadan secara lebih saksama. Usaha kerajaan untuk mengenakan tarif eksport ke atas mineral (seperti langkah Indonesia ke atas nikel) bagi meningkatkan nilai tambah pemprosesan domestik juga merupakan strategi yang penting.

Perlombongan nadir bumi (rare earth), walaupun kritikal bagi peralihan global ke arah teknologi hijau, ia juga membawa cabaran alam sekitar, sosial, dan kesihatan yang mendalam. Proses pengekstrakan - terutamanya di negara seperti Myanmar dan China, melibatkan penyingkiran lapisan atas tanah, peluluhan (leaching) kimia, dan penggerudian menggunakan paip PVC yang mencemarkan tanah dan air dengan teruk (Global Witness, 2024). Bagi setiap tan nadir bumi yang dihasilkan, kira-kira 13 kilogram debu, 9,600 hingga 12,000 meter padu sisa gas, 75 meter padu air sisa, dan satu tan sisa radioaktif terhasil (Harvard International Review, 2021). Pelepasan ini menyumbang kepada pencemaran udara dan air yang meluas, pencemaran radioaktif, serta degradasi ekosistem. Anak sungai dan sungai telah tercemar dengan logam berat serta unsur radioaktif yang berbahaya; ujian menunjukkan bahawa tapak perlombongan terus membebaskan logam berat toksik seperti arsenik dan cadmium jauh melebihi tahap selamat untuk pendedahan manusia, walaupun selepas 10 tahun aktiviti tersebut dihentikan (Earthright International, 2025; Phenrat, 2025). Komuniti berhampiran tapak perlombongan di Myanmar turut melaporkan degradasi alam sekitar yang teruk, termasuk pencemaran air yang menyebabkan jangkitan kulit dan kematian ternakan (Global Witness, 2024).

Perlombongan nadir bumi di Negeri Kachin, Myanmar, telah menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar dan pencabulan hak asasi manusia di wilayah yang terkesan oleh konflik bersenjata yang berdarah. Komuniti Peribumi dan etnik minoriti yang tinggal di kawasan biodiversiti ini dipinggirkan daripada proses pembuatan keputusan, manakala aktiviti perlombongan yang dikawal oleh kumpulan militia yang bersekutu dengan junta tentera telah mengganggu tadbir urus tempatan dan menyumbang kepada ketidakstabilan (Global Witness, 2024; Earthright International, 2025). Dengan beratus-ratus tapak perlombongan dan gunung-ganang kini menjadi gondol dan sangat terdedah kepada hakisan tanah, manakala sungai telah bertukar menjadi merah kerana pembuangan sisa bahan kimia ke dalam aliran air; perkara ini mendatangkan risiko besar kepada alam sekitar dan penduduk tempatan yang bekerja tanpa kelengkapan perlindungan diri yang mencukupi (DW, 2025). Walaupun tidak mencapai tahap kemusnahan seperti di Myanmar, Malaysia juga dikurniakan dengan deposit nadir bumi yang berdaya maju

dari segi ekonomi, namun peraturan serta langkah perlindungan kekal ditadbir secara longgar. Walaupun manfaat ekonomi nadir bumi adalah besar dan didorong oleh permintaan terhadap EV, turbin angin, dan panel solar, keuntungan tersebut sebahagian besarnya tertumpu di negara-negara pengilang, terutamanya China (Depraeter, Goutte, & Porcher, 2025; Cuadros-Muñoz et al, 2024), manakala negara-negara perlombongan menanggung beban kos alam sekitar dan kesihatan, dalam kes Myanmar, ketidakstabilan politik yang tinggi (Earthright International, 2025). Dalam hal ini, sementara China juga merupakan pembekal utama mineral tersebut, pembekal penting lain seperti Kazakhstan dan Indonesia mempunyai penyertaan yang sangat terhad sebagai negara perlombongan. Negara pengguna seperti Malaysia mendapat manfaat daripada produk tenaga bersih tanpa memikul tanggungjawab terhadap pelepasan peringkat hulu dan degradasi yang berkaitan dengan pengeluarannya. Keterputusan hubungan rantai bekalan global ini menyerlahkan ketidakcukupan kerangka kerja perakaunan pelepasan semasa. Protokol GHG, walaupun diguna pakai secara meluas, gagal merangkumkan sepenuhnya impak tidak langsung dan rentas sempadan daripada perlombongan nadir bumi. Pelepasan Skop 3, yang merangkumi aktiviti rantai bekalan, sering kurang dilaporkan atau dikecualikan, dan tiada mekanisme untuk mengagihkan tanggungjawab pelepasan merentasi negara yang terlibat dalam perlombongan, pembuatan, dan penggunaan. Akibatnya, sesebuah negara mungkin kelihatan komited terhadap alam sekitar sedangkan secara tidak langsung menyumbang kepada kemudaratan besar di luar negara.

Kes lonjakan nadir bumi di Myanmar mencerminkan ketidakseimbangan ini. Operasi perlombongan di Negeri Kachin telah berkembang pesat bagi memenuhi permintaan global untuk EV dan turbin angin, namun ia beroperasi dengan kawalan selia yang minimum, sekali gus meninggalkan landskap toksik dan komuniti yang jatuh sakit. Persampelan air di zon perlombongan mendedahkan tahanan keasid yang tinggi serta tahap arsenik yang meningkat, yang mengancam biodiversiti dan kesihatan awam (Global Witness, 2025). Sementara itu, pekatan nadir bumi dieksport ke China untuk pemprosesan, dan produk akhir, seperti EV dan teknologi hijau lain, dikilangkan serta dijual di negara seperti Malaysia, yang kekal terasing daripada impak kos alam sekitar akibat penggunaan mereka. Kontroversi serupa pernah muncul di Malaysia sendiri, di mana Kilang Bahan Termaju Lynas (LAMP) yang disenaraikan di Bursa Saham Australia di Kuantan dan sebuah kilang penapisan nadir bumi terdahulu milik sebahagian Mitsubishi Chemical berhampiran bandar Bukit Merah telah menghadapi tentangan hebat daripada orang awam berhubung isu sisa radioaktif dan risiko alam sekitar (Tengku Ismail et al, 2016).

Pengurusan akhir hayat EV, bateri litium-ion, dan panel solar memberikan cabaran kelestarian yang semakin meningkat kepada pelbagai negara. Menurut Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Bateri Litium (2021–2030) Jabatan Tenaga A.S. (2021), pertumbuhan pesat EV dan penyimpanan tenaga statik akan menjana sisa bateri yang ketara, sekali gus memerlukan infrastruktur kitar semula yang teguh dan pembangunan rantai bekalan domestik. Agensi Perlindungan Alam

Sekitar (Environmental Protection Agency - EPA) A.S. telah menjelaskan bahawa kebanyakan bateri litium-ion yang tamat tempoh dianggap sebagai sisa berbahaya di bawah Akta Pemuliharaan dan Pemulihan Sumber (Resource Conservation and Recovery Act - RCRA), disebabkan risiko seperti mudah terbakar dan bersifat reaktif. Bateri ini mesti diuruskan di bawah peraturan sisa universal untuk mengelakkan bahaya kebakaran dan pencemaran alam sekitar (Webb et al, 2023).

Sebagai kesimpulan, perlombongan nadir bumi mendedahkan satu paradoks yang membimbangkan: di satu pihak, ia membolehkan pembangunan dan penyebaran teknologi hijau, manakala di pihak yang lain, ia mengakibatkan kemerosotan alam sekitar yang kritikal di wilayah yang terdedah. Manfaat ekonomi diagihkan secara tidak rata, dan kerangka kerja perakaunan pelepasan semasa seperti Protokol GHG tidak dilengkapi secukupnya untuk menangani sifat merentas sempadan bagi kemudahan yang disebabkan oleh nadir bumi kepada alam sekitar dan komuniti setempat. Pendekatan yang lebih telus dan saksama terhadap pengesanan pelepasan dan penyumberan beretika amat diperlukan untuk memastikan peralihan hijau tidak mengorbankan komuniti dan ekosistem yang terpinggir. Isu-isu ini juga menekankan keperluan untuk dasar tadbir urus alam sekitar dan sosial yang terkoordinasi dengan implikasi terhadap infrastruktur kitar semula, serta strategi ekonomi pekeliling bagi memastikan teknologi hijau, termasuk EV dan baterinya, kekal mampan sepanjang kitaran hayatnya.

BAHAGIAN 3

ISU-ISU KRITIKAL UNTUK DITANGANI KE ARAH MEMBANGUNKAN KERANGKA ANALISIS

Dalam bahagian ini, kami membincangkan beberapa elemen kritikal ke arah membangunkan kerangka analisis untuk Malaysia. Jadual 1 menunjukkan beberapa agensi penarafan karbon (CCRA) utama yang beroperasi secara global dalam pasaran karbon sukarela.

Metodologi yang diguna pakai oleh CCRA ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1: Ciri-ciri CCRA Terpilih yang Beroperasi dalam Pasaran Karbon Sukarela

Nama	Negara	Tahun Ditubuhkan	Jenis Pembiayaan Utama	Pelaburan Institusi Utama	Jumlah Pembiayaan (Anggaran US\$)
BeZero Carbon	United Kingdom	2020	Modal Teroka & Pelaburan Strategik	GenZero (Ditubuhkan oleh Temasek), Translink Innovation Fund, EDF Pulse Ventures, Japan Airlines, Hitachi Ventures, Quantum Capital, Illuminate Financial, Contrarian Ventures dan James Scott.	\$109 Juta (merangkumi 5 pusingan)
Sylvera	United Kingdom	2020	Modal Teroka	Index Ventures, Insight Partners, Balderton Capital, Salesforce Ventures, Innovate UK dan Seedcamp.	\$99.6 Juta (merangkumi 6 pusingan)
Calyx Global	Amerika Syarikat	2017 (Fokus VCM: 2021)	Modal Teroka & Dana Impak	Surge, Time Zero Capital dan GOOSE Capital.	\$7 Juta (Peringkat Benih)
MSCI / Trove Research	Amerika Syarikat / United Kingdom	2015 (Trove ditubuhkan)	Pengambilalihan (M&A Korporat)	MSCI Inc. mengambil alih Trove Research pada akhir 2023. Sejak itu, Trove menjadi sebahagian daripada segmen operasi ESG dan Iklim MSCI.	Tidak dinyatakan
Renoster	Amerika Syarikat	2019	Modal Teroka	Seraphim	\$3.92 Juta (Peringkat Inkubator/Pemicu)

Sumber: tracxn.com (2025); pitchbook.com (2025); cbinsights.com (2025); laman web syarikat

Jadual 2: Metodologi CCRA Terpilih

Nama	Fokus Teras	Metodologi	Sistem Penarafan	Nota
BeZero Carbon	Penilaian berasaskan risiko: Menilai kebarangkalian kredit mencapai 1 tan CO2e yang dielakkan atau disingkirkan.	Kerangka Analitikal Hibrid yang menggabungkan analisis kewangan, saintifik, dan dasar. Menggunakan data milik persendirian (imej satelit, pembelajaran mesin) dan dokumentasi awam.	Skala Lapan Huruf (AAA hingga D)	Syarikat induk BeZero, GenZero, telah melabur dalam portfolio pelbagai penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan teknologi serta pembolehubah ekosistem.
Sylvera	Kualiti Projek Holistik: Kebarangkalian tertinggi untuk menyingkirkan GHG, mempunyai tahap ketersediaan tambahan yang tinggi, dan risiko kestabilan simpanan yang rendah.	Dipacu oleh data dan alatan analitik. Menggunakan gabungan tiga tunggah pemarkahan: karbon, ketersediaan tambahan (additionality), dan kestabilan simpanan (permanence).	Skala Huruf (AAA hingga D)	Manfaat bersama projek dianggap sebagai manfaat tambahan selain pengelakan atau penyingkiran karbon, dan diberikan penarafan berasangan selaras dengan SDG.
Calyx Global	Kerangka kerja yang rapi dan disemak rakan seawat untuk penarafan kredit karbon.	Penilaian Pakar Berasaskan Risiko. Menyelaraskan faktor risiko GHG (Ketersediaan tambahan, Kestabilan Simpanan, Over-crediting, dan tuntutan bertindih) dengan Prinsip Karbon Teras (CCP) ICVCM. Memantau impak terhadap SDG PBB secara berasingan.	Penarafan Dwi-Metrik (Risiko GHG dan Impak SDG)	Fokus kuat pada risiko Alam Sekitar dan Sosial (E&S) serta penilaian manfaat bersama dan tuntutan SDG yang terperinci dan rapi.
MSCI / Trove Research	Menyediakan data berasaskan gred pelabur, analitik, dan pandangan merentasi ekosistem pasaran karbon.	Menggunakan metodologi yang teguh dan telus untuk indeks harga karbon dan penilaian integriti, dipertingkatkan oleh analitik lanjutan, alatan geospasial, dan kerangka dipacu sains.	Skala Tujuh Huruf (AAA hingga CCC)	Penyelesaian iklim yang komprehensif dan pandangan telus serta kredibel mengenai VCM untuk pelabur korporat dan institusi.
Renoster	Pakar dalam menyediakan ketelusan mendalam untuk projek karbon dalam sektor alam sekitar.	Menawarkan semakan rapi dan analisis pra-penerbitan bagi projek karbon berasaskan alam semula jadi, memanfaatkan teknologi penderiaan jauh bagi menilai dan meramal kualiti projek.	Tidak Berkenaan	Beralih daripada agensi penarafan kepada pemaju/pembekal projek (program "Apollo") dengan memanfaatkan kepakaran saintifik untuk menghasilkan penyingkiran karbon hutan berkualiti tinggi.

Sumber: Laman web syarikat dan dokumen teknikal

3.1 Konflik Kepentingan

Dapat diperhatikan bahawa kebanyakan CCRA ditubuhkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan sebahagian besar didorong oleh lonjakan besar dalam komitmen Sifar Bersih korporat susulan Perjanjian Paris pada 2015. CCRA dibiayai terutamanya oleh Modal Teroka (VC) dan syarikat pegangan seperti Temasek. Perkara ini membawa implikasi besar terhadap fokus operasi, kestabilan, dan/atau kebebasan mereka:

- Pembiayaan daripada VC menunjukkan bahawa fokus operasi teras CCRA adalah untuk memaksimumkan bahagian pasaran dan pertumbuhan hasil bagi memenuhi tuntutan pelabur untuk pulangan yang tinggi, yang berpotensi mengutamakan kelajuan dan skala berbanding ketelitian rapi yang biasanya diperlukan untuk pengauditan saintifik.
- Kehadiran pembeli kredit karbon utama, seperti syarikat penerbangan dan firma tenaga, dalam struktur pelaburan strategik mewujudkan persepsi konflik kepentingan, sekali gus menimbulkan persoalan sama ada penarafan agensi tersebut boleh dipengaruhi secara sedar atau tidak sedar untuk memihak kepada jenis projek yang biasanya dipegang atau dicari oleh pelabur korporat mereka sendiri.
- Sebagai entiti swasta yang masih baharu, CCRA kekurangan rekod prestasi kebebasan yang panjang dan penelitian awam seperti yang dimiliki oleh agensi penarafan kewangan tradisional (seperti Moody's atau S&P). Ini bermakna pergantungan mereka kepada model AI/ML milik persendirian yang disokong oleh data satelit dan data lain, tanpa audit tapak yang mencukupi, berkemungkinan akan dipandang dengan skeptisisme pasaran yang lebih besar berhubung ketelusan dan potensi bias "kotak hitam".
- Walaupun model pembiayaan VC memastikan CCRA didorong untuk membangunkan infrastruktur kewangan (data/penarafan) yang diperlukan untuk memperluaskan VCM dengan pantas, namun ia juga mengaitkan kejayaan firma tersebut dengan perkembangan pasaran yang sepatutnya mereka teliti secara bebas.

3.2 Cabaran Metodologi "Kotak Hitam" (Black Box)

Meskipun Majlis Integriti bagi Pasaran Karbon Sukarela (Integrity Council for the Voluntary Carbon Market - ICVCM, 2025) telah memperkenalkan Prinsip Karbon Teras (Core Carbon Principles - CCP) untuk menghapuskan metodologi warisan yang dianggap tidak cukup rapi dan menuntut proses pengesahan yang lebih ketat dengan harapan dapat mewujudkan tahap integriti minimum. Perlu diperhatikan bahawa rakan pembiayaan utama ICVCM termasuk pengeluar karbon yang signifikan seperti Google, Jeff Bezos, dan Sequoia Capital.

Satu semakan literatur mengenai pengimbangan karbon oleh Romm et al. (2025) menyimpulkan bahawa kebanyakan jenis projek pengimbangan yang paling popular menghadapi masalah

kualiti yang sukar diselesaikan dan sistem semasa mempunyai kepincangan yang fundamental. Masalah-masalah tersebut termasuk:

- a. Ketersediaan Tambahan (Additionality): Kesukaran untuk membuktikan bahawa pengurangan pelepasan daripada sesuatu projek tidak akan berlaku tanpa pembiayaan pengimbangan, yang merupakan syarat mutlak bagi pengimbangan yang sah.
- b. Kebocoran (Leakage): Fenomena dimana pengurangan pelepasan di satu kawasan membawa kepada peningkatan pelepasan di tempat lain, seperti apabila perlindungan hutan di satu wilayah menyebabkan penebangan hutan berpindah ke wilayah lain.
- c. Kestabilan Simpanan (Permanence): Risiko bahawa karbon yang disimpan melalui projek, seperti hutan, mungkin dilepaskan semula ke atmosfera akibat kebakaran, penyakit, pembalakan, atau gangguan lain, terutamanya apabila impak perubahan iklim semakin meruncing.
